

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2017

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan pengemaskinian caj bagi pesakit warganegara yang terkandung dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah bersetuju supaya Perintah Fi (Perubatan) 1982 dikaji semula yang melibatkan perkara-perkara berikut:
 - (i) kenaikan kadar caj pesakit Kelas 1 sebanyak 50% yang merangkumi caj wad, rawatan, siasatan dan pembedahan;
 - (ii) kenaikan kadar caj wad sahaja bagi Kelas 2 sebanyak 25%;
 - (iii) pengemaskinian prosedur dan caj bagi rawatan fisioterapi, pergigian dan radioterapi dan onkologi; dan
 - (iv) pengenaan caj yang tiada dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 bagi perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K), rawatan terapi cara kerja, terapi pertuturan bahasa dan perkhidmatan dietetik.
- 2.2 Selaras dengan itu, semua sistem pengebilan bil pesakit (*itemised billing*) di hospital perlu diubahsuai dan dikemaskini bagi memudahkan Unit Hasil hospital melaksanakan perubahan caj ke atas pesakit warga negara. Hospital *non-IT* dan klinik kesihatan dikehendaki untuk melaksanakan caj baru ini dengan merujuk kepada Jadual Fi dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 adalah terpakai di semua fasiliti (hospital / institusi / klinik kesihatan / klinik pergigian) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkenaan.
- 3.2 Pada peringkat permulaan, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 ini akan **dilaksanakan** di 63 buah hospital seperti di **Lampiran A**.

- 3.3 Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 ini tidak akan dilaksanakan di 64 buah hospital seperti di **Lampiran B** iaitu hospital yang tidak mempunyai wad Kelas 1 dan wad Kelas 2. Justeru, caj yang dikenakan adalah berdasarkan kadar caj semasa seperti dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982. Walau bagaimanapun bagi hospital yang mempunyai Jabatan Pesakit Luar Pakar dan menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi dan onkologi, terapi pertuturan bahasa, perkhidmatan dietetik, perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari serta rawatan pergigian, caj bagi rawatan tersebut hendaklah dikenakan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.
- 3.4 Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 **ditangguhkan** di 17 buah hospital seperti di **Lampiran C**. Penangguhan pelaksanaan kadar caj baharu ini adalah sehingga fasiliti di hospital tersebut dinaik taraf dan pengenaan caj adalah sama seperti di Perintah Fi (Perubatan) 1982. Sehubungan itu, pesakit dalam yang menerima rawatan terapi cara kerja, terapi pertuturan bahasa, perkhidmatan dietetik dan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) tidak akan dikenakan sebarang caj.
Walau bagaimanapun bagi hospital yang mempunyai Jabatan Pesakit Luar Pakar dan menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi dan onkologi, terapi pertuturan bahasa, perkhidmatan dietetik, perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari serta rawatan pergigian, caj bagi rawatan tersebut hendaklah dikenakan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.

4. KADAR CAJ BAHARU

4.1 CAJ WAD (JADUAL B)

4.1.1 Kenaikan caj wad adalah merangkumi wad Kelas 1 dan Eksekutif sebanyak 50% manakala kenaikan wad Kelas 2 adalah sebanyak 25% seperti di **Jadual B Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017**. Tiada perubahan caj bagi wad Kelas 3.

4.1.2 Caj wad merangkumi Jadual dan Bahagian dalam Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 seperti berikut:

- (i) Jadual B, Bahagian 1: Wad Am
- (ii) Jadual B, Bahagian 3: Wad Psikiatrik
- (iii) Jadual B, Bahagian 4: Wad Eksekutif

4.2 CAJ BILIK BERSALIN DAN CAJ DEWAN BEDAH (JADUAL B)

- 4.2.1 Caj Bilik Bersalin dan Dewan Bedah adalah seperti di Jadual B, Bahagian 2, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.
- 4.2.2 Caj Bilik Bersalin dan caj Dewan Bedah adalah dikenakan bagi pesakit warganegara Kelas 1 sahaja dan ditetapkan pada kadar RM120 bagi setiap kali kemasukan.
- 4.2.3 Caj yang dikenakan untuk Dewan Bedah sebanyak RM120 adalah hanya untuk prosedur bersalin sahaja.
- 4.2.4 Bagi kes pesakit warganegara Kelas 1 yang dimasukkan ke Bilik Bersalin dan kemudiannya ke Dewan Bedah bagi menjalani pembedahan caesarean, pesakit akan dikenakan kedua-dua caj bagi Bilik Bersalin dan Dewan Bedah.

4.3 CAJ RAWATAN (JADUAL C)

- 4.3.1 Caj rawatan seperti di **Jadual C Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017** adalah merangkumi bahagian-bahagian berikut:
 - (i) **Bahagian 1:** Rawatan Pesakit Dalam - melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1;
 - (ii) **Bahagian 2:** *Accouchement* dan Bersalin - melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1;
 - (iii) **Bahagian 3:** Fisioterapi - melibatkan pindaan keseluruhan prosedur dan caj daripada Perintah Fi (Perubatan) 1982;
 - (iv) **Bahagian 4:** Rawatan Radioterapi dan Onkologi - melibatkan pindaan keseluruhan prosedur dan caj daripada Perintah Fi (Perubatan) 1982. Bahagian ini turut mempunyai **caj rawatan kepada pesakit luar**;
 - (v) **Bahagian 5:** Nefrologi - melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1;
 - (vi) **Bahagian 6:** Rawatan Psikiatrik - melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1;
 - (vii) **Bahagian 7:** Terapi Cara Kerja - melibatkan pengenaan caj baharu;
 - (viii) **Bahagian 8:** Terapi Pertuturan Bahasa - melibatkan pengenaan caj baharu dan turut mempunyai **caj rawatan kepada pesakit luar**;
 - (ix) **Bahagian 9:** Perkhidmatan Dietetik - melibatkan pengenaan caj baharu dan turut mempunyai **caj rawatan kepada pesakit luar**; dan

- (x) **Bahagian 10:** Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari - melibatkan pengenaan caj baharu dan turut mempunyai **caj rawatan kepada pesakit luar**.

4.4 CAJ SIASATAN

4.4.1 Caj siasatan seperti di **Jadual D Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017** adalah merangkumi Bahagian-bahagian seperti berikut:

- (i) **Bahagian 1:** Pemeriksaan radiologi melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1. Terdapat tiga prosedur baru dimasukkan dalam Bahagian pemeriksaan radiologi ini, iaitu Pengukuran Tomografi Pemancar Kon (CBCT) gigi, 3D OPG dan Radiograf digital gigi yang melibatkan caj Kelas 1 dan Kelas 2;
- (ii) **Bahagian 2:** Ujian makmal melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1; dan
- (iii) **Bahagian 3:** Siasatan lain melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1. Terdapat tiga prosedur baharu dimasukkan dalam Bahagian siasatan lain ini, iaitu Kevitalan pulpa, Model Diagnostik dan Kerentanan karies yang melibatkan caj Kelas 1 dan Kelas 2.

4.5 CAJ PEMBEDAHAN

4.5.1 Caj pembedahan seperti di **Jadual E Perintah Fi Perubatan (Pindaan) 2017** adalah merangkumi Pembedahan Jenis A hingga Jenis F yang melibatkan pengemaskinian caj Kelas 1.

4.5.2 Klasifikasi pembedahan adalah sama seperti di Jadual I, Perintah Fi (Perubatan) 1982

4.6 CAJ PERGIGIAN

4.6.1 Caj pergigian dalam **Jadual F, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017** merupakan pindaan keseluruhan prosedur dan caj dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan turut mempunyai **caj rawatan kepada pesakit luar**.

4.7 CAJ PESAKIT LUAR

- 4.7.1 Bagi kes pesakit luar, pesakit hanya akan dikenakan caj rawatan hanya sekiranya caj tersebut dinyatakan dalam Bahagian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, caj pendaftaran tetap dikenakan seperti biasa.
- 4.7.2 Bagi kes pesakit luar yang dirujuk oleh pengamal persendirian, berdasarkan Seksyen 12, Perintah Fi (Perubatan) 1982 caj bagi sesuatu siasatan atau rawatan yang dikenakan kepada pesakit tersebut adalah mengikut caj kelas pertama Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.

5. MEKANISME PENERIMAAN SUMBANGAN SUKARELA BAGI RAWATAN PERCUMA

- 5.1 Sebarang sumbangan secara sukarela di mana penjawat awam, pesara, Anggota Pentadbiran, anggota badan kehakiman dan Suruhanjaya yang mendapat kemudahan rawatan secara percuma di fasiliti KKM dan berhasrat untuk membuat bayaran boleh diterima oleh Unit Hasil hospital.
- 5.2 Warganegara yang hendak membayar bil rawatan melebihi jumlah keseluruhan caj rawatan yang diterima juga boleh berbuat demikian dengan memberi sumbangan secara sukarela.
- 5.3 Sumbangan yang diterima oleh Unit Hasil tersebut hendaklah dikreditkan ke dalam akaun hasil di bawah kod hasil 77403.

6. DEPOSIT KEMASUKAN KE HOSPITAL

- 6.1 Deposit kemasukan ke hospital yang perlu dibayar oleh pesakit adalah **kekal** pada kadar yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil 13/1982 – Bayaran Deposit Untuk Memasuki Hospital Kerajaan rujukan Bil (29) dlm KKM-58/903/1/1 Bhg 6 bertarikh 26 November 1982 dan Bil (35) dlm KKM-58/903/1/1 Bhg 6 bertarikh 19 Januari 1983.

LAMPIRAN A

Senarai Hospital Yang Terlibat Dengan Kenaikan Caj Kelas 1 Dan Kelas 2

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN
1	Hospital Tuanku Fauziah Kangar	Perlis	
2	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kedah	(i) kenaikan kadar caj pesakit Kelas 1 sebanyak 50% yang merangkumi caj wad, rawatan, siasatan dan pembedahan;
3	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani		
4	Hospital Langkawi		
5	Hospital Kulim		
6	Hospital Pulau Pinang	Pulau Pinang	(ii) kenaikan kadar caj wad sahaja bagi Kelas 2 sebanyak 25%;
7	Hospital Bukit Mertajam		
8	Hospital Seberang Jaya		
9	Hospital Sungai Bakap		
10	Hospital Balik Pulau		
11	Hospital Kepala Batas		
12	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Perak	(iii) pengemaskinian prosedur dan caj bagi rawatan fisioterapi, pergigian dan radioterapi dan onkologi; dan
13	Hospital Taiping		
14	Hospital Teluk Intan		
15	Hospital Kuala Kangsar		
16	Hospital Batu Gajah		
17	Hospital Tapah		
18	Hospital Slim River		
19	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Selangor	(iv) pengenaan caj bagi perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K), rawatan terapi cara kerja, terapi pertuturan bahasa dan perkhidmatan dietetik.
20	Hospital Kajang		
21	Hospital Selayang		
22	Hospital Sungai Buloh		
23	Hospital Serdang		
24	Hospital Ampang		
25	Hospital Shah Alam		
26	Hospital Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan	
27	Hospital Putrajaya		

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN
28	Hospital Labuan		
29	Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban		
30	Hospital Port Dickson		
31	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Negeri Sembilan	
32	Hospital Tampin		
33	Hospital Melaka	Melaka	
34	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu		
35	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar		
36	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat		
37	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Johor	
38	Hospital Segamat		
39	Hospital Pontian		
40	Hospital Kota Tinggi		
41	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru		
42	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan		
43	Hospital Bentong	Pahang	
44	Hospital Raub		
45	Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Temerloh		
46	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu		
47	Hospital Dungun	Terengganu	
48	Hospital Besut		
49	Hospital Setiu		
50	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kelantan	
51	Hospital Machang		

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN
52	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Sabah	
53	Hospital Tawau		
54	Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Likas		
55	Hospital Bintulu		
56	Hospital Umum Sarawak	Sarawak	
57	Hospital Sibu		
58	Hospital Miri		
59	Hospital Sarikei		
60	Institut Perubatan Respiratori		
61	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kuala Lumpur	
62	Hospital Wanita dan Kanak-kanak, Kuala Lumpur		
63	Institut Kanser Negara	Putrajaya	

LAMPIRAN B

**Senarai Hospital Kkm Yang Tidak Terlibat Dengan Kenaikan Caj Bagi Kelas 1
Dan Kelas 2 (Tiada Wad Kelas 1 Dan Kelas 2)**

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN	
1	Hospital Baling	Kedah	Sekiranya fasiliti mempunyai Jabatan Pesakit Luar Pakar, caj hendaklah dikenakan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017 bagi rawatan seperti berikut: (i) rawatan fisioterapi; (ii) perggigian; (iii) radioterapi dan onkologi; (iv) perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K); (v) rawatan terapi cara kerja; (vi) terapi pertuturan bahasa; dan (vii) perkhidmatan dietetik.	
2	Hospital Yan			
3	Hospital Jitra			
4	Hospital Sik			
5	Hospital Kuala Nerang			
6	Hospital Parit Buntar	Perak		
7	Hospital Kampar			
8	Hospital Gerik			
9	Hospital Selama			
10	Hospital Changkat Melintang			
11	Hospital Kuala Kubu Bahru	Selangor		
12	Hospital Tanjung Karang			
13	Hospital Banting			
14	Hospital Orang Asli, Gombak			
15	Hospital Jempol	Negeri Sembilan		
16	Hospital Alor Gajah	Melaka		
17	Hospital Jasin			
18	Hospital Mersing	Johor		
19	Hospital Tangkak			
20	Hospital Pekan	Pahang		
21	Hospital Kuala Lipis			
22	Hospital Jerantut			
23	Hospital Muadzam Shah			

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN
24	Hospital Jengka		
25	Hospital Sultanah Hajah Kalsom, Cameron Highlands		
26	Hospital Rompin		
27	Hospital Kemaman		
28	Hospital Hulu Terengganu	Terengganu	
29	Hospital Tumpat		
30	Hospital Pasir Mas		
31	Hospital Tanah Merah		
32	Hospital Gua Musang	Kelantan	
33	Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh		
34	Hospital Jeli		
35	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu		
36	Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu		
37	Hospital Lahad Datu		
38	Hospital Papar	Sabah	
39	Hospital Ranau		
40	Hospital Tambunan		
41	Hospital Tenom	Sabah	
42	Hospital Kuala Penyu		
43	Hospital Pitas		
44	Hospital Tuaran		
45	Hospital Sri Aman		
46	Hospital Limbang	Sarawak	
47	Hospital Kapit		

BIL	HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN
48	Hospital Serian		
49	Hospital Lundu		
50	Hospital Saratok		
51	Hospital Mukah		
52	Hospital Kanowit		
53	Hospital Marudi		
54	Hospital Lawas		
55	Hospital Bau		
56	Hospital Simunjan		
57	Hospital Betong		
58	Hospital Daro		
59	Hospital Rajah Charles Brooke Memorial		
60	Hospital Dalat		
Institusi Perubatan Khas			
61	Hospital Permai	Johor Bahru	
62	Hospital Mesra Bukit Padang	Sabah	
63	Hospital Sentosa	Sarawak	
64	Pusat Kawalan Kusta Negara	Selangor	

LAMPIRAN C

Senarai Hospital Kkm Yang Ditangguhkan Kenaikan Caj Bagi Kelas 1 Dan Kelas 2

BIL.	NAMA HOSPITAL	NEGERI	PELAKSANAAN	
1	Hospital Beluran	Sabah	Penangguhan pelaksanaan kadar caj baharu ini adalah sehingga fasiliti di hospital tersebut dinaik taraf dan pengenaan caj adalah sama seperti di Perintah Fi (Perubatan) 1982. Sehubungan itu, pesakit dalam yang menerima rawatan terapi cara kerja, terapi pertuturan bahasa, perkhidmatan dietetik dan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) tidak akan dikenakan sebarang caj.	
2	Hospital Keningau			
3	Hospital Kinabatangan			
4	Hospital Kota Belud			
5	Hospital Kota Marudu			
6	Hospital Kudat			
7	Hospital Kunak			
8	Hospital Semporna			
9	Hospital Sipitang			
10	Hospital Beaufort			
11	Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai	Johor	Walau bagaimanapun bagi hospital yang mempunyai Jabatan Pesakit Luar Pakar dan menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi dan onkologi, terapi pertuturan bahasa, perkhidmatan dietetik, perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari serta rawatan pergigian, caj bagi rawatan tersebut hendaklah dikenakan berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.	
12	Hospital Kuala Krai	Kelantan		
13	Hospital Jelebu	Negeri Sembilan		
14	Hospital Seri Manjung	Perak		
15	Hospital Sungai Siput			
16	Hospital Bahagia Ulu Kinta			
17	Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Selangor		

SENARAI CAJ DALAM PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2017

**JADUAL B
CAJ WAD
BAHAGIAN 1
WAD AM**

Bil.	Kelas	Class	Tidak berhawa dingin	Berhawa dingin
			(Caj sehari)	(Caj sehari)
			(RM)	(RM)
	Kelas Satu:	First Class:		
1	Bilik dengan satu katil	One bedded room	90	120
2	Bilik dengan dua katil	Two bedded room	60	90
3	Bilik dengan tiga katil atau lebih	Three bedded room or more	45	60
4	Kelas Dua	Second Class	25	40
5	Kelas Tiga	Third Class	3	3

**JADUAL B
CAJ WAD
BAHAGIAN 2
BILIK PROSEDUR (OBSTETRIK)**

Bil.	Bilik Prosedur (Obstetrik)	Procedure Room (Obstetric)	(RM)
1	Bilik bersalin (setiap kemasukan)	Labour room (per admission)	120 (Kelas Satu sahaja)
2	Dewan bedah (setiap kemasukan)	Operation theater (per admission)	120 (Kelas Satu sahaja)

JADUAL B
CAJ WAD
BAHAGIAN 3
WAD PSIKIATRIK

Bil.	Kelas	Class	Caj sehari (RM)
1	Kelas Satu	First Class	15
2	Kelas Dua	Second Class	10
3	Kelas Tiga	Third Class	Percuma

JADUAL B
CAJ WAD
BAHAGIAN 4
WAD EKSEKUTIF

Bil.			Caj sehari (RM)
1	Bilik dengan satu katil (Orang kenamaan)	One bedded room (VIP)	225
2	Bilik dengan satu katil	One bedded room	180
3	Bilik dengan dua katil	Two bedded room	150

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 1
RAWATAN PESAKIT DALAM

Bil.	Kelas	Class	Caj sehari
			(RM)
1	Kelas Satu	First Class	15
2	Kelas Dua	Second Class	5
3	Kelas Tiga	Third Class	Percuma

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 2
ACCOUCHEMENT DAN BERSALIN

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas wad		
			Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
1	Pembedahan Caesarean	Caesarean operation	1200	400	100
2	Bersalin dengan bantuan:	Assisted delivery:			
3	Forseps/ songsang/ vakum	Forceps/ breech/ vacuum	600	200	50
4	Bersalin kembar	Twin delivery	600	200	50
5	Bersalin biasa	Normal delivery	450	150	10

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 3
FISIOTERAPI

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Setiap lawatan		
			Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
	Modaliti elektroterapi	Electrotherapy modalities			
1	Biomaklumbalas/miomaklumba las	Biofeedback /myofeedback	30	20	5
2	Arus terus/ iontoporesis	Direct current / iontophoresis	30	20	5
3	Arus dwidinamik	Didynamic current	30	20	5
4	Arus terus terganggu	Interrupted direct current	30	20	5
5	Terapi interferens	Interferential therapy	30	20	5
6	Diatermi gelombang pendek	Shortwave diathermy	30	20	5
7	Stimulasi saraf transkutan elektrik	Transcutaneous electrical nerve stimulation	30	20	5
8	Terapi ultrasound	Ultrasound therapy	30	20	5
9	Ultrasound masa nyata	Realtime ultrasound	30	20	5
10	Stimulasi elektrik fungsional	Functional electrical stimulation	30	20	5
11	Terapi gelombang kejut	Shockwave therapy	30	20	5

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Setiap lawatan		
			Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
	Terapi Haba/Krioterapi	Thermal therapy/cryotherapy			
12	Pek panas	Hot pack	15	10	2
13	Mandi lilin	Wax bath	15	10	2
14	Sinaran inframerah	Infrared radiation	15	10	2
15	Krioterapi	Cryotherapy	15	10	2
	Fototerapi	Phototherapy			
16	Terapi laser	Laser therapy	30	15	5
17	Terapi sinar ultraungu	Ultraviolet light therapy	30	15	5
	Terapi kardiorespiratori	Cardiorespiratory therapy			
18	Teknik Pernafasan Kitaran Aktif (ACBT)	Active Cycle Breathing Technique (ACBT)	30	15	5
19	Senaman pernafasan	Breathing exercise	30	15	5
20	Sedutan bronkiol	Bronchial suction	30	15	5
21	Spirometer insetif	Incentive spirometer	30	15	5
22	Fluter	Flutter	30	15	5
23	Latihan otot inspiratori	Inspiratory muscle training	30	15	5
24	Terapi penyedutan	Inhalation therapy	30	15	5
25	Perkusi/ Getaran	Percussion/vibration	30	15	5
26	Tekanan ekspirasi positif	Positive expiratory pressure	30	15	5
27	Penyaliran postural	Postural drainage	30	15	5
	Terapi mekano	Mechano therapy			
28	Tarikan servikal	Cervical traction	20	10	2
29	Tarikan lumbar	Lumbar traction	20	10	2
30	Pam berangkai	Sequential pump	20	10	2
	Hidroterapi	Hydrotherapy			
31	Senaman kolam	Pool exercise	20	10	2
32	Pusaran air	Whirlpool	20	10	2
	Terapi manual	Manual therapy			
33	Manipulasi tisu lembut	Soft tissue manipulation	20	10	2

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Setiap lawatan		
			Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
34	Lepasan miofasia	Myofascial release	20	10	2
35	Penyaliran limfa secara manual	Manual lymphatic drainage	20	10	2
36	Akutekanan	Accupressure	20	10	2
37	Pemitaan/pembalutan/pengekat	Taping/bandaging/strapping	30	20	Percuma
38	Terapi mampatan (limfoedema)	Compression therapy (lymphoedema)	30	20	Percuma
	Teknik khas	Special techniques			
39	Teknik reposisi Canalith	Canalith repositioning technique	30	20	2
40	Senaman penstabilan renungan	Gaze stabilisation exercise	30	20	2
41	Pengaisan atau pemberusan	Icing or brushing	30	20	2
42	Mobilisasi sendi	Joint mobilization	30	20	2
43	Teknik McKenzie	McKenzie technique	30	20	2
44	Program pembelajaran semula motor	Motor re-learning programme	30	20	2
45	Akupunktur atau penjaruman kering	Acupuncture or dry needling	30	20	2
46	Teknik perkembangan neuro	Neurodevelopmental technique	30	20	2
47	Pemudahan proprioseptif saraf otot	Proprioceptive neuromuscular facilitation	30	20	2
	Terapi senaman	Exercise therapy			
48	Aktif, pasif atau berbeban	Active, passive or resisted	20	10	2
49	Ambulasi atau latihan gaya jalan	Ambulation or gait training	20	10	2
50	Senaman antenatal dan postnatal	Antenatal and postnatal exercise	20	10	2
51	Latihanimbangan	Balance training	20	10	2
52	Latihan pundi kencing/ usus	Bladder/bowel training	20	10	2
53	Latihan litar	Circuit training	20	10	2
54	Senaman bola gim	Gymnic ball exercise	20	10	2
55	Teknik tahan kemutan untuk otot lantai pelvis	Counter bracing technique for pelvic floor muscle	20	10	2
56	Aktiviti kefungsian	Functional activities	20	10	2
57	Senaman berkumpulan	Group exercise	20	10	2

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Setiap lawatan		
			Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
58	Senaman isokinetik	Isokinetic exercise	20	10	2
59	Senaman mekanikal	Mechanical exercise	20	10	2
60	Senaman otot lantai pelvis	Pelvic floor muscle exercise	20	10	2
61	Teknik relaksasi	Relaxation technique	20	10	2
62	Pendidikan semula sensori	Sensory re-education	20	10	2
63	Rejim tangan khas	Special hand regime	20	10	2
	UJIAN KHAS	SPECIAL TEST			
	Alat diagnostik	Diagnostic tool			
64	Ujian imbalan Berg	Berg's balance test	50	30	5
65	Ujian Klinikal bagi Interaksi Sensori dan Imbalan (CTSIB)	Clinical Test for Sensory Interaction and Balance (CTSIB)	50	30	5
66	Postugrafi dinamik berkomputer	Computerized Dynamic Posturography	50	30	5
67	Penilaian tangan berkomputer	Computerized hand evaluation	50	30	5
68	Indeks gaya jalan dinamik	Dynamic gait index	50	30	5
69	Penilaian otot lantai pelvis	Pelvic floor muscle assessment	50	30	5
70	Ujian sensori	Sensory testing	50	30	5
71	Lengkungan tempoh kekuatan	Strength duration curve	50	30	5
72	Ujian otot volontari	Voluntary muscle testing	50	30	5
73	Ujian vestibular	Vestibular test	50	30	5
74	Ujian bangun dan pergi bermasa	Timed up and go test	50	30	5
75	Ujian jangkauan fungsi	Functional reach test	50	30	5

CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 4
RAWATAN RADIOTERAPI DAN ONKOLOGI

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)	Pesakit Luar	
						Rujukan Pengamal Persendirian	Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan
						(RM)	(RM)
	Simulasi dan perancangan berkomputer	Simulation and computerized planning					
1	Penandaan setempat	Mark on set	45	30	Percuma	45	15
2	Simulasi konvensional	Conventional simulation	450	200	Percuma	450	75
3	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Biasa (tanpa kontras)	Normal (without contrast)					
4	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Rumit (dengan kontras)	Complex (with contrast)					
5	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Radioterapi Keamatan Bermodulasi (IMRT)	Intensity Modulated Radiotherapy (IMRT)					
6	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Penyinaran Seluruh Badan (TBI)	Total Body Irradiation (TBI)					
7	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Penyinaran Seluruh Nodal (TNI)	Total Nodal Irradiation (TNI)					
8	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Elektron Suluruh Badan (TBE)	Total Body Electron (TBE)					
9	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Radioterapi Stereotaktik (SRT)	Stereotactic Radiotherapy (SRT)					
10	Simulasi CT:	CT simulation:	450	200	Percuma	450	75
	Radiosurgeri Stereotaktik (SRS)	Stereotactic Radiosurgery(SRS)					

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)	Pesakit Luar	
						Rujukan Pengamal Persendirian	Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan
						(RM)	(RM)
11	Simulasi CT:	CT simulation:					
	Radioterapi Stereotaktik Badan (SBRT)	Stereotactic Body Radiotherapy (SBRT)	450	200	Percuma	450	75
	Rawatan radioterapi	Radiotherapy treatment					
12	2D/ medan tunggal/ selari setentang (setiap pecahan)	2D/single field/parallel opposed (per fraction)	100	50	12	100	25
13	3D/apa-apa rancangan dengan 3 atau lebih medan (setiap pecahan)	3D/any plans with 3 or more fields (per fraction)	100	50	12	100	25
14	IMRT (setiap pecahan)	IMRT (per fraction)	100	50	12	100	25
15	TBI (setiap pecahan)	TBI (per fraction)	100	50	12	100	25
16	TNI (setiap pecahan)	TNI (per fraction)	100	50	12	100	25
17	SRT (setiap pecahan)	SRT (per fraction)	100	50	12	100	25
18	SRS	SRS	7000 (rawatan tanpa paket untuk sekali caj sahaja)	5000 (rawatan tanpa paket untuk sekali caj sahaja)	12 (setiap rawatan)	7000 (rawatan paket untuk sekali caj sahaja)	500 (rawatan paket untuk sekali caj sahaja)
19	SBRT	SBRT	7000 (rawatan tanpa paket untuk sekali caj sahaja)	5000 (rawatan tanpa paket untuk sekali caj sahaja)	12 (setiap rawatan)	7000 (rawatan paket untuk sekali caj sahaja)	500 (rawatan paket untuk sekali caj sahaja)

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)	Pesakit Luar	
						Rujukan Pengamal Persendirian	Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan
						(RM)	(RM)
	Rawatan brakiterapi	Brachytherapy treatment					
20	Intrakavitari: Dobi/sumber satu baris (setiap sesi)	Intracavitary : dhobbies/single line source (per session)	75	30	6	75	15
21	Intrakavitari: ovoid berpasangan (setiap sesi)	Intracavitary : paired ovoids (per session)	75	30	6	75	15
22	Intrakavitari: intrakavitari penuh (setiap sesi)	Intracavitary : full intracavitary (per session)	75	30	6	75	15
23	Intrakavitari: bagi kanser nasofaringeal (NPC) (setiap sesi)	Intracavitary : for nasopharyngeal cancer (NPC) (per session)	75	30	6	75	15
24	Intraluminal: Esofagus, bronkus, anorektal (setiap sesi)	Intraluminal : Esophagus, bronchus, anorectal (per session)	75	30	6	75	15
25	Implan brakiterapi interstisial: implan brakiterapi payudara (setiap sesi)	Interstitial brachytherapy implants : breast brachytherapy implants (per session)	75	30	6	75	15
26	Implan brakiterapi interstisial: implant ekstremiti (setiap sesi)	Interstitial brachytherapy implants : extremities implants (per session)	75	30	6	75	15
27	Implan brakiterapi: implan kaviti oral/ anorektal/ prostat/ mata dan lain-lain (setiap sesi)	Brachytherapy implants : oral cavity/ anorectal/ prostate/eye and other implants (per session)	75	30	6	75	15

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)	Pesakit Luar	
						Rujukan Pengamal Persendirian	Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan
						(RM)	(RM)
28	Prosedur brakiterapi prostat (rawatan pakej)	Prostate brachytherapy procedure (package treatment)	7,000	5,000	6	-	-
	Rawatan anti-neoplastik	Anti-neoplastic treatment					
29	Rawatan anti-neoplastik untuk kanser (selain terapi sasaran) (setiap rawatan)	Anti-neoplastic for cancer (besides targeted therapy) (per treatment)	400	200	50	400	100
30	Rawatan terapi sasaran untuk kanser (setiap rawatan)	Targeted therapy treatment for cancer (per treatment)	600	400	50	600	150
31	Rawatan kanser yang memerlukan kelulusan khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) (setiap rawatan)	Cancer treatment that needs special approval from the Director General of Health (per treatment)	800	200	50	800	200
	Perubatan nuklear	Nuclear medicine					
	Isotop radioaktif:	Radioactive isotopes:					
32	(i) Diagnosis	(i) Diagnosis	150	50	25	150	25
33	(ii) Terapi	(ii) Therapy	750	250	125	750	125

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 5
NEFROLOGI

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
1	Dialisis berselang-selang peritoneal (setiap rawatan)	Intermitent peritonial dialysis per treatment	275	100	50
2	Rawatan Dialisis Peritoneal Ambulasi Berterusan (CAPD) (sebulan)	Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) treatment (monthly)	750	200	100
3	Hemodialisis setiap rawatan:	Hemodialysis per treatment:			
4	(i) satu kegunaan buah pinggang tiruan	(i) one use of artificial kidney	190	50	25
5	(ii) kegunaan semula buah pinggang tiruan	(ii) re-use of artificial kidney	75	20	10
6	Biopsi buah pinggang (tidak termasuk laporan)	Renal biopsy (excluding report)	75	20	10
7	Pengkateteran femoral/ subklavian untuk hemodialisis	Femoral/subclaviancatheterisation for hemodialysis	75	20	10
8	Hemoperfusi	Haemoperfusion	375	100	50
9	Implantasi kateter tenckoff	Implantation of tenckoff catheter	150	40	20
10	Rawatan dialisis prapemindahan	Pretransplant dialysis treatment	1500	400	200
11	Lawatan di rumah bagi setiap hemodialisis	Home visit per hemodialysis	100 (setiap lawatan)		

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 6
RAWATAN PSIKIATRIK

Bil.	Kelas	Class	Setiap kemasukan
			(RM)
1	Kelas Satu	First Class	1125
2	Kelas Dua	Second Class	300
3	Kelas Tiga	Third Class	Percuma

JADUAL C
CAJ RAWATAN
BAHAGIAN 7
TERAPI CARA KERJA

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
	PENILAIAN	ASSESSMENT			
	Penilaian aktiviti kehidupan seharian (ADL)	Activities of Daily Living (ADL) Assessment			
1	Ukuran Pelaksanaan Terapi Cara Kerja Kanada (C.O.P.M)	Canadian Occupational Therapy Performance Measure (C.O.P.M)	20	10	Percuma
2	Jadual Pendek Penafsiran Keperluan Camberwell (CANSAS)	Camberwell Assessment of Needs Short Schedule (CANSAS)	20	10	Percuma
3	Penilaian Keupayaan Kefungsian (FAA)	Functional Ability Assessment (FAA)	20	10	Percuma
4	Ukuran Kebebasan Kefungsian (FIM)	Functional Independence Measure (FIM)	20	10	Percuma
5	Penilaian Kemahiran Hidup Kohlman (KELS)	Kohlman Evaluation of Living skill (KELS)	20	10	Percuma
6	Aktiviti instrumental skala kehidupan seharian Lawton	The Lawton instrumental activities daily living scale	20	10	Percuma
7	Indeks terubah suai Barthel (MBI)	Modified Barthel Index (MBI)	20	10	Percuma
8	Terapi cara kerja bagi penilaian jantung	Occupational therapy for cardiac assessment	20	10	Percuma
9	Inventori penilaian kehilangan upaya pediatrik (PEDI)	Pediatric Evaluation Disabilities inventory (PEDI)	20	10	Percuma
10	Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Pengurusan Diri (PASS)	Performance Assessment of Self Care Skills (PASS)	20	10	Percuma
11	Penilaian Kemahiran Motor dan Pemprosesan bagi Kesihatan Mental (AMPS)	Assessment of Motor and Process Skills in Mental Health (AMPS)	20	10	Percuma

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
	Penilaian fizikal	Physical assessment			
12	Ujian Manual Otot (MMT)	Muscle Manual Test (MMT)	20	10	Percuma
13	Kekuatan dinamometer/tolok kutil	Strength-dynamometer/pinch gauge	20	10	Percuma
14	Ujian pembezaan 2 titik	2 point discrimination test	20	10	Percuma
15	Ujian pasak 9 lubang	9 hole peg test	20	10	Percuma
16	Ujianimbangan Berg	Berg balance test	20	10	Percuma
17	Papan pasak beralur	Grooved peg board	20	10	Percuma
18	Ujian fungsi tangan Jebsen Taylor	Jebsen Taylor hand function test	20	10	Percuma
19	Ujian kecakatan manual Minnesota	Minnesota manual dexterity test	20	10	Percuma
20	Skala kesakitan	Pain Scale	20	10	Percuma
21	Ujian kecakatan jari O'Connor	O'Connor finger dexterity test	20	10	Percuma
22	Ujian kecakatan penyepit O'Connor	O'Connor tweezer dexterity test	20	10	Percuma
23	Ton otot	Muscle Tone	20	10	Percuma
24	Ujian papan pasak Purdue	Purdue pegboard test	20	10	Percuma
25	Julat pergerakan sendi (Goniometer)	Range of motion (Goniometer)	20	10	Percuma
26	Ujian aptitud manipulatif Roeder	Roeder manipulative aptitude test	20	10	Percuma

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
27	Ujian monofilamen Semmes-Weinstein	Semmes-Weinstein monofilaments test	20	10	Percuma
28	Profil sensori	Sensory profile	20	10	Percuma
29	Ujian stereognosis	Stereognosis test	20	10	Percuma
30	Getaran	Vibration	20	10	Percuma
31	Volumeter	Volumeter	20	10	Percuma
32	Ujianimbangan Tinnetti	Tinnetti balance test	20	10	Percuma
33	Alat Senaman Anggota Atas Mikrokomputer (MULE)	Microcomputer Upper Limb Exerciser (MULE)	20	10	Percuma
	Penilaian perkembangan normal	Normal development assessment			
34	Ujian Bruininks-Oseretsky	Bruiniks-Oseretsky test	20	10	Percuma
35	Carta tapisan perkembangan Denver	Denver developmental screening chart	20	10	Percuma
36	Skala pengadaran motor oral	Oral motor rating scale	20	10	Percuma
37	Peabody	Peabody	20	10	Percuma
	Penilaian persepsi dan kognitif	Perceptual and cognitive assessment			
38	Ujian Perkembangan Integrasi Visual-Motor Beery Buktenica (Beery VMI)	The Berry Buktenica Development Test Of Visual – Motor Integration (Berry VMI)	20	10	Percuma

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
39	Bateri Penilaian Neurologi Terapi Cara Kerja Chessington (C.O.T.N.A.B)	Chessington Occupational Therapy Neurological Assessment Battery (C.O.T.N.A.B)	20	10	Percuma
40	Skala keresahan dan kemurungan hospital	Hospital anxiety depression scale	20	10	Percuma
41	Penilaian Kognitif Terapi Cara Kerja Lowerstein (LOCTA)	Lowerstein Occupational Therapy Cognitive Assessment (LOCTA)			
42	-LOCTA-A (bagi kes dewasa am)	-LOCTA-A (for adult general cases)	20	10	Percuma
43	-LOTCA-G (bagi kes geriatrik)	-LOTCA-G (for geriatric cases)			
44	-LOTCA-D (bagi kes kanak-kanak/ perkembangan)	-LOTCA-D (for children/developmental cases)			
45	Pemeriksaan Mini Keadaan Mental (MMSE)	Mini Mental State Examination (MMSE)	20	10	Percuma
46	Penilaian Kognitif Montreal (MoCA)	Montreal Cognitive Assessment (MoCA)	20	10	Percuma
47	Bateri penilaian persepsi kederiaan Rivermead	Rivermead preceptual assessment battery	20	10	Percuma
	Penilaian prasekolah	Preschool assessment			
48	Penilaian pelajar prasekolah Miller	Miller assessment pre schoolers	20	10	Percuma
49	Penilaian Fungsi Sekolah (SFA)	School Function Assessment (SFA)	20	10	Percuma
50	Ujian kemahiran tulisan tangan	Test of handwritting skill	20	10	Percuma

Bil.	Jenis rawatan	Type of treatment	Kelas Satu	Kelas Dua	Kelas Tiga
			(RM)	(RM)	(RM)
	Penilaian tingkah laku	Behavior assessment			
51	Grid Penilaian Ambang (TAG)	Threshold Assessment Grid (TAG)	20	10	Percuma
52	Skala keresahan dan kemurungan hospital	Hospital anxiety and depression scale	20	10	Percuma
53	Keteriritasian (skala kemurungan dan keresahan)	Irritability (depression anxiety scale)	20	10	Percuma
